



UiTM@Media **2016**



Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

Diplomasi aman cara Malaysia

Melihat kepada dunia hari ini, kita masih bergelut dalam perang antara negara seperti perang Russia-Ukraine, krisis Asia Barat dan juga ancaman keganasan global seperti IS, ekstremisme agama dan isu yang boleh mengundang sentimen perbalahan antara beberapa pihak seperti perebutan wilayah.

Hal ini perlu kita lihat secara mendalam bagaimana kita mampu meredakan tekanan yang timbul melalui kerjasama serantau yang membawa persefahaman baik antara semua negara.

Sebagai contoh, penubuhan ASEAN membawa mesej yang jelas bahawa wilayah ASEAN adalah wilayah yang menekankan persefahaman antara satu sama lain seterusnya menjadi wilayah berasaskan keharmonian yang membawa jalan kedamaian untuk satu sama lain.

Menerusi kerjasama serantau dan persefahaman antara negara anggota, mewujudkan blok keamanan dalam dunia yang bergolak hari ini, bukan sesuatu yang mustahil.

Namun, kita perlukan mekanisme tepat dan jitu dalam merangka perancangan yang mampu menjadi pemangkin untuk merealisasikan usaha itu.

Sebagai contoh, kita perlu merangka dengan tepat apa tindakan yang akan kita lakukan untuk menghasilkan hubungan berkesan seperti kajian strategik terhadap hubungan diplomatik sesuatu negara dan juga amalan yang wajar diambil kira seperti pelaksanaan polisi ekonomi yang mesra pelabur dan juga kurang risiko mampu memangkin

kepada jalan keharmonian dunia.

Peluang optimis

Komitmen Malaysia dalam menyampaikan misi keamanan kepada warga dunia perlu dilihat sebagai peluang optimis untuk kita menjalin hubungan dengan semua pihak yang pasti dapat memberi manfaat bukan sahaja untuk kita akan tetapi jiran serantau.

Di samping itu, penubuhan Perikatan Ketamadunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNAOC) dilihat sebagai paksi berkesan dalam menekan usaha kerjasama antara negara dan persefahaman global.

Rakyat Malaysia perlu faham peranan kerajaan kita dalam mempergiat promosi untuk membanteras keganasan yang membatikan isu-isu hak asasi kemanusiaan, eksploitasi dari segi seksual dan keganasan global yang menjadikan negara ini disegani oleh negara serantau.

Dari sudut lain, Malaysia membawa peranan yang sangat baik menjadi ejen untuk menyampaikan mesej keamanan kepada warga global.

Dalam contoh mudah, prinsip Malaysia adalah kita bertoleransi antara satu sama lain seperti diizinkan dalam perebutan Pulau Batu Putih dengan Singapura. Kita menyerahkan kepada kuasa kehakiman untuk memutuskan hak sebenar pulau itu daripada terus menekan semua pihak terbabit.

Amalan 'ASEAN Way' adalah contoh terbaik kepada warga global dalam membabitkan penyelesaian konflik tanpa mengambil risiko terlalu besar. Kita seharusnya berbangga kerana Malaysia

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

adalah anggota ASEAN yang mampu menjadi contoh terbilang dalam menyelesaikan konflik antarabangsa.

Warga pencetus perdamaian

Di samping itu, kita bersahabat baik dengan negara-negara dominan dunia seperti Amerika Syarikat sebagai usaha berkesan untuk menjalin hubungan yang melebihi kepentingan politik akan tetapi sebagai asas kukuh dalam merencana pertumbuhan ekonomi dan perkongsian sosiobudaya yang mantap.

Akhir sekali, Malaysia sudah berada di hadapan negara lain dalam usaha murni untuk membina jaringan persahabatan dan kedamaian antara semua negara yang ada.

Perdebatan yang mencakupi wadah dan idea yang melihat bahawa dunia yang berperang mampu kita damai adalah perdebatan yang wajar menjadi perbincangan primer setiap insan hari ini.

Kita mungkin tidak mampu untuk menghentikan perang, namun kita mampu mengajak untuk sama-sama berdamai dengan harmoni. Marilah sama-sama kita menjadi warga pencetus yang cintakan kedamaian.

Walaupun pada masa dunia bergolak kini, usaha kita tetap jitu mencetus segenap warga untuk bersama-sama membina dunia yang lebih selamat dan lebih baik untuk anak-anak kita pada masa yang akan datang.



Idi Amin Zainuddin

Pelajar Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM



Komitmen Malaysia dalam menyampaikan misi keamanan kepada warga dunia perlu dilihat sebagai peluang optimis untuk kita menjalin hubungan dengan semua pihak yang pasti dapat memberi manfaat”

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

